



**KENYATAAN MEDIA**  
**STATISTIK AFFILIATE ASING DI MALAYSIA (*INWARD FATS*) 2020**  
**DAN STATISTIK AFFILIATE MALAYSIA DI LUAR NEGERI**  
**(*OUTWARD FATS*) 2019**

---

**Affiliate asing di Malaysia menyumbang 17.0 peratus kepada ekonomi Malaysia dengan mencatatkan nilai tambah RM241.0 bilion pada tahun 2020**

**PUTRAJAYA, 14 September 2021** -. Sejumlah 2,979 *affiliate* asing beroperasi di Malaysia dengan mencatatkan nilai tambah RM241.0 bilion pada tahun 2020, menyumbang 17.0 peratus kepada ekonomi Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Statistik Affiliate Asing di Malaysia (*Inward FATS*) 2020** dan **Statistik Affiliate Malaysia di Luar Negeri (*Outward FATS*) 2019** hari ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato 'Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan bahawa "Krisis kesihatan global dan ketidaktentuan keadaan ekonomi semasa pandemik COVID-19 sepanjang tahun 2020 telah mengganggu aktiviti perniagaan kebanyakan syarikat di Malaysia termasuk *affiliate* asing yang dikawal oleh syarikat induknya di luar negara (dengan melebihi lima puluh peratus pemilikan). Ini dapat dilihat pada trend menurun oleh indikator terpilih yang digunakan untuk mengukur prestasi *affiliate* asing ini. Bilangan *affiliate* asing di Malaysia berkurang secara marginal sebanyak 0.4 peratus daripada 2,990 *affiliate* pada 2019. Nilai ditambah bagi *affiliate* asing ini turun 7.0 peratus berbanding tahun sebelumnya (2019: RM259.2 bilion). Pada masa yang sama, jumlah pekerja diupah oleh *affiliate* asing juga menurun sebanyak 0.9 peratus kepada 859,541 pekerja berbanding 2019, seperti digambarkan oleh pasaran buruh yang perlahan di negara ini. Justeru, pampasan pekerja turut menurun kepada RM48.7 bilion daripada RM50.6 bilion setahun yang lalu."

Mengulas lebih lanjut mengenai prestasi *Inward FATS* mengikut aktiviti ekonomi, "Sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang utama dengan nilai ditambah RM115.8 bilion, mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu 48.0 peratus pada tahun 2020. Sektor ini mempunyai seramai 640,434 pekerja dengan pampasan pekerja berjumlah RM33.3 bilion. Sektor Perkhidmatan berada pada kedudukan kedua

tertinggi bagi nilai ditambah sebanyak RM65.2 bilion atau menyumbang 27.0 peratus. Bilangan pekerja yang terlibat dalam sektor ini adalah seramai 176,710 pekerja dengan bayaran pampasan pekerja RM11.8 bilion pada 2020."


Melihat kepada *affiliate* yang dikawal oleh syarikat Malaysia di luar negara (dengan pemilikan lebih daripada lima puluh peratus), prestasi terus menunjukkan momentum kenaikan pada 2019 berdasarkan kepada beberapa indikator. Berbanding tahun lalu, Malaysia mencatatkan 2,237 *affiliate* di luar negara pada tahun 2019, peningkatan sebanyak 0.9 peratus. Sementara itu, perolehan bagi *affiliate* ini meningkat 1.3 peratus kepada RM335.2 bilion. *Affiliate* ini mempunyai seramai 412,937 pekerja berbanding 408,807 pada 2018. Pada masa yang sama, peningkatan bilangan pekerja telah menyumbang kepada pampasan pekerja yang lebih tinggi berjumlah RM23.8 bilion, meningkat 3.6 peratus berbanding RM23.0 bilion pada tahun sebelumnya.

Mengulas lebih lanjut mengenai prestasi *Outward FATS*, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Dari segi perolehan, sektor Perkhidmatan kekal dominan bagi tempoh 10 tahun terakhir dan menjana RM209.5 bilion pada 2019, dengan sumbangan 62.5 peratus. Affiliate di luar negara terlibat khususnya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit dan Kewangan. Perolehan kedua tertinggi pula dicatatkan oleh sektor Pembuatan pada RM81.0 bilion, dengan sumbangan sebanyak 24.2 peratus terutamanya dalam subsektor produk Petroleum, kimia, getah dan plastik."


Bagi prestasi mengikut negara, Ketua Perangkawan turut menyatakan bahawa *affiliate* yang berada di Indonesia mencatatkan perolehan tertinggi berjumlah RM50.0 bilion, terutamanya dalam aktiviti Kewangan. Nilai perolehan kedua tertinggi adalah dari *affiliate* yang berada di Singapore dengan jumlah sebanyak RM39.2 bilion, yang sebahagian besarnya tertumpu kepada aktiviti Perdagangan borong & runcit. United Kingdom sebagai negara penyumbang ketiga tertinggi mencatatkan perolehan sebanyak RM38.1 bilion terutamanya dalam aktiviti Utiliti dan Perdagangan borong & runcit.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.


**Carta 1:** Bilangan *Affiliate Asing* di Malaysia, 2010-2020




**Carta 2:** Nilai Ditambah oleh *Affiliate Asing* di Malaysia, 2010-2020




**Carta 3:** Bilangan Affiliate Malaysia di Luar Negeri, 2010-2019




**Carta 4:** Perolehan Affiliate Malaysia di Luar Negeri, 2010-2019



**Carta 5: Bilangan Pekerja dan Pampasan Pekerja Affiliate Asing Malaysia di Luar Negeri, 2010-2019**



**Carta 6: Bilangan Pekerja dan Pampasan Pekerja Affiliate Asing di Malaysia, 2010-2020**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**14 SEPTEMBER 2021**



## MEDIA STATEMENT

### STATISTICS ON FOREIGN AFFILIATES (INWARD FATS) IN MALAYSIA 2020 AND STATISTICS ON MALAYSIAN AFFILIATES ABROAD (OUTWARD FATS) 2019

***Foreign affiliates in Malaysia contributed 17.0 per cent to the Malaysia's economy by registering a value added of RM241.0 billion in 2020***

***PUTRAJAYA, 14 September 2021 – A total of 2,979 foreign affiliates were operating in Malaysia with a value added of RM241.0 billion in 2020, contributing 17.0 per cent to Malaysia's economy. The Department of Statistics, Malaysia published the Statistics on Foreign Affiliates in Malaysia (Inward FATS) 2020 and Statistics on Malaysian Affiliates Abroad (Outward FATS) 2019 today.***

*The Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that, “The global health crisis and uncertain economic situation amid COVID-19 pandemic throughout the year 2020 had disrupted the business activities of most companies in Malaysia including foreign affiliates which are controlled by its parent company abroad (with more than fifty per cent of ownership). This was witnessed through the downturn trend registered by selected indicators used to measure the performance of these foreign affiliates. Foreign affiliates in Malaysia dropped marginally at 0.4 per cent from 2,990 affiliates in 2019. The value added of these affiliates dropped by 7.0 per cent as compared with the preceding year (2019: RM259.2 billion). Concurrently, the number of employees engaged with foreign affiliates also declined by 0.9 per cent to record 859,541 persons as compared to 2019, mirrored by the sluggish labour market in the country. In turn, the compensation of employees also decreased to RM48.7 billion from RM50.6 billion a year ago.”*

*Commenting further on the performance of Inward FATS by economic activities, “Manufacturing sector remained as the main contributor with a value added of RM115.8 billion, which posted the highest share of 48.0 per cent in 2020. This sector employed 640,434 persons with a compensation of employees RM33.3 billion. The second highest value added was recorded by the Services sector at RM65.2 billion or*

*27.0 per cent shares. The number of employees engaged in this sector amounted to 176,710 workers with a paid compensation of employees RM11.8 billion in 2020.”*


*Looking into the performance of Malaysian controlled affiliates abroad (with more than fifty per cent of ownership) have continued its upward momentum in 2019 when viewed with several indicators. Compared with a year ago, Malaysia had 2,237 affiliates overseas for the year 2019, slightly increased by 0.9 per cent. Meanwhile, the turnover of these affiliates increased 1.3 per cent to register RM335.2 billion in 2019. These affiliates had employed 412,937 persons as compared to 408,807 persons in 2018. At the same time, the increase in the number of employees has resulted in higher compensation of employees which amounted to RM23.8 billion, rose by 3.6 per cent as against RM23.0 billion in the previous year.*

*Elaborating further on the performance of Outward FATS, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “In terms of turnover, Services sector remained dominant for the last 10 years and generated RM209.5 billion in 2019, with a contribution of 62.5 per cent. Affiliates abroad in Services sector were primarily engaged in Wholesale & retail trade and Financial activities. The second highest turnover was recorded by Manufacturing sector at RM81.0 billion, with a share of 24.2 per cent and were mainly in the sub-sector of Petroleum, chemical, rubber and plastic products.”*


*As for the performance by country, the Chief Statistician also stated that the affiliates located in Indonesia posted the highest turnover at RM50.0 billion, principally in Financial activities. The second highest turnover was recorded by affiliates in Singapore which valued at RM39.2 billion, largely concentrated in Wholesale & retail trade activity. The United Kingdom, as the third highest contributor, recorded a turnover of RM38.1 billion mainly in Utilities and Wholesale & retail trade activities.*

*The Malaysian Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more information.*


**Chart 1: Number of Foreign Affiliates in Malaysia, 2010-2020**




**Chart 2: Value Added of Foreign Affiliates in Malaysia, 2010-2020**




**Chart 3: Number of Employees and Compensation of Employees of Foreign Affiliates in Malaysia, 2010-2020**




**Chart 4: Number of Malaysian Affiliates Abroad, 2010-2019**



**Chart 5: Turnover of Malaysian Affiliates Abroad, 2010-2019**



**Chart 6: Number of Employees and Compensation of Employees of Malaysian Affiliates Abroad, 2010-2019**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**14 SEPTEMBER 2021**